

## SEMARAKKAN SEMANGAT PATRIOTISME MERAIKAN BULAN KEBANGSAAN

### 1. PENGISIAN LAPORAN NILAIAN PRESTASI TAHUNAN (LNPT) BAGI TAHUN 2021 MELALUI SISTEM HRMIS

Jadual pengisian SKT dan LNPT Jabatan Pertanian Malaysia bagi Tahun 2021 :

PENGISIAN SKT DAN LNPT		
Tindakan	Dihantar kepada	Tarikh/ Tempoh
Pegawai Yang Dinilai (PYD)	PPP	15 Sept 2021 - 30 Sept 2021 (Pengisian SKT) 15 Sept 2021 - 15 Okt 2021 (Pengisian LNPT)
Pegawai Penilai Pertama (PPP)	PPK	16 Okt 2021 - 15 Nov 2021
Pegawai Penilai Kedua (PPK)	Urus Setia PPSM DOA	16 Nov 2021 - 15 Dis 2021
Tarikh akhir		15 Disember 2021
Cadangan Mesyuarat PPSM DOA		7 Januari 2022

Sumber : Bahagian Khidmat Pengurusan, Jabatan Pertanian

### 2. TINTA PSIKOLOGI : TANDA-TANDA KEMURUNGAN

1. Perasaan sedih berlarutan.
2. Tidur sering terganggu.
3. Sering menyalahkan diri sendiri.
4. Letih, lesu dan tidak bermaya.
5. Kurang tumpuan dan daya ingatan.
6. Hilang selera makan.
7. Hilang minat dan keseronokan dalam melakukan kerja.
8. Kurang keyakinan diri dan rasa tiada harapan.

Sebarang bantuan psikologi dan kaunseling MAFI boleh hubungi melalui [link](#) di bawah dari jam 8.00 pagi hingga 5.00 petang (Isnin -Jumaat).

<https://ppsimafi.wasap.my/>; <https://ppsi1moa.wasap.my/>;  
<https://ppsi2moa.wasap.my/>; <https://ppsi3moa.wasap.my/>

### 3. EDARAN LCA BIL. 9/2021: MAKLUMAN PAUTAN PORTAL PERAKAUNAN AKRUAN JANM

Adalah dimaklumkan bahawa Portal Perakaunan Akruan JANM boleh dicapai melalui dua (2) pautan seperti di bawah ini :

Pautan : <https://www2.anm.gov.my/akruan>

Rasmi

Pautan : <https://www2.anm.gov.my:8080/akruan/Pages/default.aspx>

Alternatif

Untuk maklumat lanjut sila hubungi :

Seksyen Perakaunan Pengurusan & Perundingan  
Bahagian Akaun

Kementerian Pertanian & Industri Makanan

Tel : 03-8870 1883 / Fax : 03-8870 1940

### 4. MAJLIS PELANCARAN POLISI PERLINDUNGAN PEMBERI MAKLUMAT JABATAN PERTANIAN

Putrajaya, 19 Ogos 2021 - Telah berlangsung Majlis Pelancaran Polisi Perlindungan Pemberi Maklumat Jabatan Pertanian yang disempurnakan oleh YBhg. Datuk Mohd Nasir Bin Warris, Ketua Pengarah Pertanian bertempat di perkarangan Aras 17, Jabatan Pertanian Putrajaya.

Pembangunan polisi ini adalah bertujuan untuk menggalakkan penyaluran sebarang Kelakuan Tidak Wajar yang berlaku di kalangan warga Jabatan secara dalaman sebelum mencari penyelesaian luar.

Dengan adanya polisi ini, mana-mana individu yang tampil bagi menyalur dan mendedahkan maklumat berkaitan Kelakuan Tidak Wajar yang berlaku di Jabatan Pertanian atau yang melibatkan Warga Jabatan akan diberi perlindungan berdasarkan ketetapan yang dinyatakan di dalam polisi.

